

CNS0074

R GB 03-01 00177 BH195

BAH

Perdana Menteri - Sultan

PERDANA MENTERI GEMBIRA SULTAN JOHOR TANGGUH PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata beliau gembira dengan pengumuman yang dibuat oleh Sultan Johor mengenai penangguhan majlis perhimpunan yang dijadual diadakan di kawasan Istana Besar di Johor Baharu, Jumaat ini.

Beliau berkata penangguhan itu dapat mengelakkan tercetusnya ketegangan dan berpendapat langkah itu adalah satu petanda baik.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita semasa ditemui pada jamuan malam di sebuah hotel di sini malam ini.

Sultan Johor telah mengumumkan keputusan baginda selepas majlis berkhatam Al-Quran puteri baginda, Tunku Mona, di Istana Besar Johor Baharu petang ini.

Baginda bertitah majlis penghadapan itu ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan ditetapkan kelak setelah mengambil kira pelbagai faktor.

Semalam, baginda menerima menghadap Menteri Besar, Tan Sri Mulyiddin Yassin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar dan Ketua Polis Negeri, Penolong Kanan Pesuruhjaya, Ismail Che Rus di Istana Bukit Serene, berhubung soal perhimpunan itu. -- Lagi

▼03/01/22-32MST

CNS0075

R GB 03-01 00136 BH196

BAH

Perdana Menteri - Sultan 2 (akhir) Kuala Lumpur

Mengenai perjumpaan Presiden Parti S46 Tengku Razaleigh Hamzah dan Timbalan Presidennya Datuk Rais Yatim dengan Raja-Raja Melayu, Perdana Menteri berkata perjumpaan itu adalah hak mereka.

Bagaimanapun beliau berharap tidak ada mana-mana parti politik diseret masuk dalam perkara tersebut kerana tujuan kerajaan ialah untuk menyelamatkan imej raja-raja dan bukan mengambil kuasa mereka.

Pada perhimpunan khas Semangat 46 di Kota Bharu, Kelantan, Tengku Razaleigh berkata beliau dan Rais telah menemui semua Raja Melayu untuk menjelaskan pendirian parti Semangat 46 mengenai pindaan perlembagaan itu.

Pada majlis yang sama parti itu sebulat suara menentang usaha kerajaan meminda Perlembagaan untuk menggugurkan kekebalan raja-raja di sisi undang-undang kerana parti itu berpendapat bahawa kedaulatan raja-raja merupakan kedaulatan dan ketuanan orang Melayu. -- Bernama

▼03/01/22-35MST